KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **30 April 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 30/4/2026
M/SURAT: 18

# Sindiket guna 'runner' ada kad fleet beli diesel

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KDPN) mendedahkan wujud sindiket menggunakan individu bertindak sebagai 'runner' yang dilengkapi kad fleet bagi membuat pembelian bahan api terkawal di kaunter stesen minyak.

Pada masa sama, ahli sindiket lain akan menunggu di pam untuk mengisi bahan api itu ke dalam lori yang sudah diubah suai.

Kaedah terbaharu itu dikesan dalam satu operasi malam kelmarin, yang membawa kepada penahanan sebuah lori dipercayai terbabit dalam penyelewengan subsidi di sebuah stesen minyak di Sungai Besi, di sini.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Mohd Sabri Seman, berkata taktik ini menunjukkan perubahan modus operandi apabila sindiket cuba menjauhkan diri daripada urus niaga secara langsung bagi mengelak dikesan.

"Daripada memegang atau menggunakan sendiri kad fleet, mereka kini menggunakan ejen atau 'runner' untuk berurusan di kaunter, manakala mereka pula menunggu di pam untuk mengisi diesel ke dalam lori yang diubah suai dengan tangki simpanan.

"Dalam operasi ini, pasukan penguat kuasa bermotosikal berpakaian preman menahan sebuah lori tiga tan di sebuah stesen minyak di sini.

"Pemeriksaan mendapati lori itu dilengkapi tiga tangki diubah suai, setiap satu berkapasiti 1,000 liter. Jika diisi penuh, jumlah keseluruhan boleh mencecah 3,000 liter dengan anggaran kerugian subsidi sebanyak RM12,000," katanya.

Mohd Sabri berkata, ketika tangkapan dibuat, kira-kira 1,500 liter diesel sudah diisi ke dalam tangki itu yang dipercayai untuk kegunaan jentera berat dan lori yang tidak layak menerima subsidi atau sudah melebihi kuota.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati lori berkenaan sudah mengisi minyak di beberapa stesen sebelum ditahan.

"Lori itu dipercayai dari Seremban dan mengisi minyak di tiga atau empat stesen di sana sebelum datang ke sini dan kemudian dijangka kembali ke tempat asal," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 30/4/2026

M/SURAT: 8

# Seleweng diesel di KL sebelum bawa ke Seremban

**Kuala Lumpur:** Pemandu lori lima tan ditahan ketika sedang cuba 'mencuri' diesel bersubsidi di sebuah pam minyak di Lebuhraya Sungai Besi, di sini kelmarin.

Lelaki tempatan berusia 30-an itu tak bernasib baik kerana tidak menyedari pergerakan diekori rapat oleh Pasukan Khas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara (KPDN) Kuala Lumpur yang membuat rondaan Ops Tiris 4.0 dengan pakaian preman.

Harian Metro difahamkan lori berkenaan mempunyai kapasiti bahan api 80 liter (L) sahaja namun diubah suai dengan tangki tersorok yang mampu menyimpan sehingga 3,000L diesel bersubsidi.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur Mohd Sabri Seman berkata, suspek dipintas di sebuah stesen minyak oleh sepasukan pegawai termasuk dirinya sendiri yang membuat rondaan menggunakan motosikal biasa tanpa logo jabatan.

"Siasatan awal tangki itu dipercayai sudah diisi 1,500 liter diesel yang diseleweng dari tiga ke empat stesen minyak sebelum pulang semula ke Seremban untuk proses pemindahan.

"Suspek memandu lori daripada Seremban dan dipercayai sudah mengisi minyak di beberapa stesen sebelum ditahan. Kita percaya bahan api ini untuk dijual semula bagi kegunaan industri berkaitan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di lokasi, di sini, awal pagi semalam.

Beliau berkata, pemandu terbabit dipercayai dibayar RM250 setiap perjalanan oleh sindiket terbabit yang cuba menyeleweng diesel bersubsidi.

Katanya, suspek bagaimanapun tidak mengaku membeli bahan api itu menggunakan *fleet card* yang diseleweng namun pihaknya percaya itu modus operandi baharu sindiket.

Mohd Sabri berkata, pemandu lori tidak lagi memegang *fleet card* terbabit pada diri mereka sebaliknya bergerak bersama ejen sindiket menaiki kenderaan berasingan bagi mengelak kemudahan *fleet card* itu dirampas dan dibatalkan pihak berkuasa.

"Ini modus operandi yang kita kesan. Pemandu ini tidak mengaku menggunakan *fleet card* dan pemeriksaan tidak menemukan *fleet* di dalam lori.

"Berdasarkan semakan resit pembelian, kita percaya kegiatan ini menggunakan *fleet card*. ejen akan menggunakan kenderaan lain dan berada di depan lori," katanya.

Tegasnya, KPDN memberi peringatan kepada sindiket bahawa setiap modus operandi mereka akan dapat dikenal pasti.

Katanya siasatan dijalankan mengikut Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Mengulas mengenai kejayaan Pasukan Khas KPDN, Mohd Sabri berkata sebanyak lima kes sudah berjaya dihasilkan dalam tempoh sebulan hasil pemantauan berterusan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: KHAMIS
TARIKH: 30/4/2026
M/SURAT: 8



*The Domestic Trade and Cost of Living Ministry's Kuala Lumpur director, Mohd Sabri Seman (left), inspecting a lorry's diesel storage tank in Sungai Besi on Tuesday.* NSTP PIC BY AIZUDDIN SAAD

PLAINCLOTHES ENFORCERS

# Special squad hunts down fuel smugglers

**KUALA LUMPUR:** A special motorcycle squad from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry is carrying out round-the-clock patrols in the federal capital here to intercept those siphoning subsidised fuel.

The ministry's Kuala Lumpur director, Mohd Sabri Seman, said the squad was formed to counter increasingly sophisticated tactics used by syndicates while blending in with the public at petrol stations.

"To adapt to the tactics used by subsidy manipulators, we operate in plainclothes on motorcycles and conduct inspections at petrol stations in Kuala Lumpur day and night," he said during a sting operation on Tuesday.

"The squad has recorded five cases within a month under Op Tiris 4.0 integrated operations.

"This shows the effectiveness of this approach in detecting offences that may not be easily identified through conventional enforcement methods."

During the operation, the squad intercepted a three-tonne lorry at a petrol station in Sungai Besi on Tuesday night.

"Inspections found the lorry had been fitted with three modified tanks, each with a capacity of 1,000 litres. If fully filled, the total volume could reach 3,000 litres, with an estimated subsidy loss of RM12,000," said Sabri.

Sabri said, at the time of the arrest, about 1,500 litres of diesel had been loaded into the tanks where it was intended for use in heavy machinery and lorries that are not eligible for subsidies or have exceeded their quota.

He said investigations found the lorry had refuelled at several stations prior to its detention.

"The vehicle is believed to have originated from Seremban. It had filled at three or four stations there before coming here and was expected to return to its origin."

He added that the agent or runner involved had been travelling in a separate vehicle ahead of the lorry to facilitate a quick escape.

"In this case, the runner managed to flee when we moved in. However, enforcement checks, including receipts from the transaction, confirmed that subsidised diesel had been purchased using fleet cards despite the attempt to conceal the operation," he said.

Sabri said the ministry would continue to intensify monitoring efforts.

With the Sungai Besi incident, he said, the ministry uncovered how syndicates were siphoning fuel using runners armed with fleet cards.

Sabri said the tactic reflected a shift in modus operandi, with syndicates distancing themselves from direct transactions to evade detection.

"Instead of holding or using fleet cards themselves, they now use agents or runners to handle transactions at the counter, while they wait at the pump to fill diesel into lorries that have been modified with storage tanks."

Sabri said the case was being investigated under Regulation 3(1) of the Control of Supplies Regulations for dealing in controlled goods without a valid licence or permit under the Control of Supplies Act.

He said those found guilty could face a fine of up to RM1 million, imprisonment of up to three years, or both.

He added that the ministry would also investigate petrol station operators to determine if there was any element of collusion in the activity. **Fuad Nizam**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Dua lelaki disyaki seleweng diesel diberkas di stesen minyak di Sibu



**SATU KESALAHAN:** Kenderaan pacuan empat roda yang ditahan kerana disyaki menyeleweng minyak diesel bersubsidi di sebuah stesen minyak di Sibu, baru-baru ini. — Gambar KPDN Sarawak

**SIBU:** Dua lelaki tempatan berusia lingkungan 30-an ditahan kerana disyaki menyeleweng diesel dalam operasi penguatkuasaan di sebuah stesen minyak di sini pada 24 April lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak Matthew Dominic Barin berkata, pemeriksaan dijalankan oleh KPDN Cawangan Sibu secara berkala menerusi Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) bagi membanteras aktiviti penyelewengan barang kawalan.

Dalam operasi itu, sebuah kenderaan pacuan empat roda ditahan kira-kira jam 10 pagi selepas disyaki membawa 200 liter diesel bernilai RM430 tanpa kebenaran.

"Pada hari sama sekitar jam 3 petang, satu lagi kenderaan pacuan empat roda ditahan di stesen minyak sama dengan anggaran 93 liter diesel bernilai RM199.95 dipercayai diseleweng," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Susulan itu, empat kes dihasilkan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dalam keadaan menimbulkan syak melakukan kesalahan.

Katanya, dua tindakan kes turut diambil terhadap stesen minyak kerana membenarkan pembelian melebihi had tanpa permit sah, manakala dua lagi kes melibatkan individu yang disyaki menyeleweng diesel.

Nilai rampasan diesel dianggarkan berjumlah RM629.95 dengan keseluruhan nilai rampasan mencecah RM20,629.95.

Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika sabit kesalahan, individu boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, manakala syarikat boleh didenda sehingga RM2 juta.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan salah laku aktiviti perniagaan boleh menyalurkan aduan kepada KPDN melalui WhatsApp 019-848 8000, e-mel e-aduan@kpdn.gov.my, talian 1-800-886-800 atau aplikasi Ez ADU KPDN.

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 30/4/2026

M/SURAT: 8



PEGAWAI KPDN merampas bahan api yang disimpan dan menahan tiga ahli sindiket yang dikesan menyeleweng diesel subsidi.

# Kolaborasi lori semut

## *Sindiket 'lori semut' ditugas 'curi' diesel subsidi sekitar JB sebelum dipindahkan ke lori tangki besar untuk dijual di pasaran gelap*

**Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin**
anbia@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Angkut diesel subsidi yang diseleweng sejauh hampir 300 kilometer untuk dijual di pasaran gelap di Lukut, Negeri Sembilan.

Itu antara kolaborasi sindiket 'lori semut' yang ditugaskan 'mencuri' diesel subsidi sekitar Johor Bahru sebelum dipindahkan ke lori tangki besar.

Kegiatan itu terbongkar apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu sebuah stor haram di Taman Mount Austin, di sini, kelmarin.

Serbuan itu adalah hasil operasi bersepadu anggota Seksyen Siasatan dan Serbuan KPDN Putrajaya bersama Cawangan Risikan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

KPDN berjaya menahan tiga lelaki, termasuk dua warga Indonesia dipercayai cuba melarikan diri ketika serbuan dilakukan.

Jurucakap KPDN berkata, lelaki tempatan terbabit ditahan bersama pacuan empat roda Toyota Hilux miliknya di luar premis manakala dua lagi suspek warga Indonesia diberkas ketika cuba meloloskan diri melalui tandas premis berkenaan.

"Siasatan awal mendapati sindiket menggunakan modus operandi 'lori semut' iaitu mendapatkan bekalan diesel secara berulang kali di beberapa stesen minyak sekitar kawasan Kempas dan Skudai dengan menggunakan kad *fleet* syarikat.

"Bekalan yang diperoleh kemudian dikumpulkan di stor haram di Taman Mount Austin sebelum dipindahkan ke dalam lori tangki berskala besar untuk tujuan pengedaran.

"Lebih membimbangkan, risikan turut mendapati diesel dikumpul itu disyaki akan dihantar kepada pemborong di Lukut, Negeri Sembilan," katanya.

**Dua suspek warga Indonesia diberkas ketika cuba meloloskan diri**

Ia berdasarkan penemuan tangki treler berisi diesel di lokasi serbuan yang dipercayai dihantar syarikat pengangkutan tempatan dikaitkan dengan sindiket diesel Lukut.

"Pemeriksaan menemui enam tangki dengan lima daripadanya berisi cecair disyaki diesel, manakala satu lagi kosong.

"Turut ditemui beberapa peralatan pemindahan bahan api seperti pam, hos dan tangki simpanan yang dipercayai digunakan dalam operasi pemindahan diesel," katanya.

Selain itu, sitaan kedua di lokasi berhampiran turut melibatkan sebuah lori, empat tangki serta kira-kira 1,200 liter diesel.

Nilai rampasan hampir RM266,000 dan ketiga-tiga suspek ditahan dan dibawa ke Pejabat KPDN Johor Bahru untuk siasatan lanjut.

Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM265,986.48.

Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, dan pihak berkuasa tidak menolak kemungkinan rangkaian sindiket ini lebih besar serta melibatkan pengedaran antara negeri.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 30/4/2026
M/SURAT: 2

# Sabah steps up anti-smuggling, price control measures

**KOTA KINABALU:** The Sabah Women, Health and People's Wellbeing Ministry, through the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN), has implemented various strategic and proactive measures to address cost-of-living challenges, said Minister Datuk Julita Mojungki.

She said the ministry, through KPDN, has also enforced existing laws such as the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 (AKHAP) and the Supply Control Act 1961 (AKB) to curb misconduct in the supply chain.

Julita said several immediate measures have been introduced by the state government through KPDN to address the impact of rising prices of goods, including the enhancement of OPS TIRIS 3.0 to OPS TIRIS 4.0, which took effect on March 16, 2026.

The operation involves three main clusters — land enforcement led by KPDN, maritime enforcement led by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (APMM), and border control led by the Royal Malaysia Police (PDRM).

She said the enhanced operation is part of efforts to safeguard the country's petroleum supply chain and reduce leakage.

In addition, daily monitoring has been strengthened through the Distribution Chain Database dashboard to detect and prevent smuggling, misappropriation and hoarding activities.

Julita also said the ban on the sale and purchase of RON95 petrol for foreign-registered vehicles, effective April 1, 2026, has been enforced under OPS TIRIS 4.0 to reduce fuel subsidy leakages.

She added that subsidy controls have been tightened by setting limits on diesel refuelling to prevent abuse by smuggling syndicates and non-eligible industrial users, with subsidised diesel priced at RM2.15 per litre.

To further strengthen enforcement, KPDN has deployed 207 officers to monitor 244 petrol stations across Sabah. A total of 392 premises were inspected during OPS TIRIS 4.0 operations between March 16 and April 23, 2026.

Julita said OPS KESAN 5.0, which began on January 1, 2026, is also being implemented to ensure that prices of goods and service charges remain controlled following Phase 2 salary adjustments, and to prevent traders from imposing excessive profit margins.

She added that the Subsidised Diesel Control Scheme (SKDS) and the Budi Madani initiative for goods transport vehicles have been introduced to reduce transportation costs, which remain a major factor influencing the price of goods.

Finally, she said the High-Level Inter-Agency Coordination Committee to Combat Leakages and Smuggling, established on March 11, 2026, has been set up to strengthen coordination among enforcement agencies in tackling smuggling, misappropriation and supply chain leakages.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 30/4/2026
M/SURAT: 7

# Diesel misuse uncovered in Sibu ops, vehicles seized

**SIBU:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) uncovered two cases of diesel misappropriation during inspections at a petrol station here last Friday.

KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin said the first case involved the detention of a four-wheel-drive (4WD) vehicle driven by a man in his 30s at about 10am for allegedly misappropriating 200 litres of diesel worth RM430.

"On the same day at 3pm, enforcement officers detained another 4WD driven by another man in his 30s, for misappropriating 93 litres of diesel worth RM199.95 at the same station," he said in a statement.

The total value of seizures, including the two vehicles, is estimated at RM20,629.95.

Matthew said in addition to the suspects, action was also taken against the petrol station for allowing purchases exceeding the permitted limit without valid permits issued by KPDN.

He added that information on business misconduct involving controlled goods can be channelled to KPDN via its hotline (1-800-886-800), WhatsApp (019-8488000), or email (e-aduan@kpdn.gov.my).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 30/4/2026

M/SURAT: 14

# Pemilik syarikat, pemandu lori didakwa seleweng diesel

**SHAH ALAM:** Hasil pelaksanaan Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor, dua individu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini kelmarin atas pertuduhan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 berkaitan penyelewengan bahan api diesel.

Pengarah KPDN Selangor Muhamad Hanif Asa'ari dalam satu kenyataan berkata tertuduh pertama iaitu lelaki berusia 58 tahun yang juga pemilik sebuah syarikat pemborong bahan api, berdepan dua pertuduhan.

Beliau berkata bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa membeli 2,000 liter minyak diesel daripada pihak yang tidak mempunyai lesen atau kebenaran bertulis untuk menjual bahan api tersebut pada 9.28 malam, 24 April lepas di sebuah premis di Panasuria, Shah Alam.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa gagal menyelenggara buku stok barang berjadual iaitu minyak diesel, termasuk tidak merekodkan butiran pembelian atau penjualan seperti tarikh, kuantiti, harga serta maklumat penjual atau pembeli. — Bernama

Sementara itu, Muhamad Hanif berkata tertuduh kedua, lelaki berusia 28 tahun yang merupakan pemandu lori didakwa atas pertuduhan memiliki dalam kawalannya kira-kira 4,000 liter diesel di dalam sebuah lori tangki tanpa kebenaran sah di lokasi dan waktu yang sama.

"Kedua-dua tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mahkamah membenarkan mereka diikat jamin sebanyak RM10,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin serta mereka juga diarahkan melapor diri di Pejabat KPDN Shah Alam sekali setiap bulan.

"KPDN Selangor di bawah komitmen penguatkuasaan Op Tiris 4.0 (Bersepadu)-Kempen Kita Gempur amat komited mempergiat penguatkuasaan dan tindakan bagi memastikan pematuhan perundangan yang dikuatkuasakan dipatuhi dan pada masa yang sama kepentingan awam diselia secara rapi," katanya.

Beliau berkata orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah etika dalam urus niaga boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak KPDN melalui saluran aplikasi Whatsapp 019-848 8000, Ez Adu KPDN, talian hotline KPDN 1-800-886-800 dan portal e-aduan kementerian. — Bernama

Harian Metro
HARI: KHAMIS
TARIKH: 30/4/2026
M/SURAT: 21

# Syarikat jual bahan api beri maklumat palsu didenda RM130k

**Butterworth:** Sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan jualan runcit bahan api didenda RM130,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, selepas mengaku bersalah atas empat pertuduhan memberikan maklumat palsu berhubung invois dan enggan mengemukakan maklumat berkaitan pembelian diesel, pada 2023.

Hakim Nor Azah Kasran menjatuhkan hukuman denda RM85,000 bagi pertuduhan pertama manakala RM15,000 bagi setiap tiga pertuduhan lain selepas pengarah syarikat berkenaan Lai Yong Keong, 47, membuat pengakuan itu sejurus semua pertuduhan dibacakan secara berasingan.

Mengikut pertuduhan pertama, Syarikat Profusion Petroleum Sdn Bhd selaku pemegang lesen borong minyak diesel didapati telah memberikan maklumat palsu semasa mengemukakan maklumat dalam borang Arahan Mengemukakan Maklumat di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 berhubung invois atau resit pembelian minyak diesel melalui sembilan invois.

Kesalahan didakwa dilakukan di Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Tingkat 2, Kompleks Sempilai Jaya, Seberang Jaya di sini, jam 10.30 pagi, 18 Feb 2023.

Mengikut pertuduhan kedua hingga keempat, syarikat berkenaan didakwa enggan mengemukakan maklumat berkaitan dokumen Penyata Kewangan Bank di bawah Syarikat Profusion Petroleum Sdn Bhd (September 2022 sehingga Februari 2023) yang diminta oleh pegawai bekalan melalui borang Arahan Mengemukakan Maklumat Barang Kawalan Di Bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kesemua pertuduhan yang dibuat dikemukakan mengikut Seksyen 8(4)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) Akta sama yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM2 juta dan kesalahan pada kali kedua dan seterusnya, didenda tidak melebihi RM5 juta, jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, peguam Muhammad Syazwan Mohd Salleh yang mewakili Orang Kena Saman (OKS) memohon denda yang minimum kerana kesalahan tersebut berlaku tanpa pengetahuan anak guamnya sehingga saksi hadir memberi keterangan di mahkamah dan didapati invois tersebut palsu.

Pada 8 Mac 2024, Lai mengaku tidak bersalah atas lapan pertuduhan membabitkan kesalahan berkaitan pembelian diesel, namun beliau menukar pengakuan tersebut semalam.

Terdahulu, pihak pendakwaan juga bersetuju untuk menggugurkan empat pertuduhan yang dikenakan terhadap OKS dan hanya mengekalkan empat pertuduhan sahaja terhadap syarikat berkenaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 30/4/2026
M/SURAT: 4

# Company fined RM130,000 for false diesel invoices, withholding information

**BUTTERWORTH:** A company involved in retail fuel sales was fined a total of RM130,000 by the Sessions Court on Wednesday on four counts of providing false information on invoices and refusing to submit information relating to its diesel purchases.

Judge Nor Azah Kasran meted out the fine after the company, Profusion Petroleum Sdn Bhd, represented by its director, Lai Yong Keong, 47, pleaded guilty to all the charges.

The judge imposed a fine of RM85,000 for the first charge and RM15,000 for each of the remaining three charges.

For the first charge, Profusion Petroleum, as a licensed diesel wholesaler, was found to have knowingly submitted false information in response to an official request under Section 8 of the Control of Supplies Act. The false information was related to invoices or receipts for diesel purchases involving nine invoices.

The offence was committed at the office of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) in Seberang Jaya at 10.30 am on Feb 18, 2023.

The second to fourth charges involved the company's refusal to submit financial documents, specifically bank statements covering the period from September 2022 to February 2023, as requested by supply control officers under the same law.

These offences were allegedly committed between Feb 18 and March 10, 2023, at the same location.

All charges were brought under Section 8(4)(b) of the Control of Supplies Act 1961, which provides for a fine of up to RM2 million for a first offence and up to RM5 million for subsequent offences upon conviction.

The prosecution was conducted by KPDN deputy public prosecutor S. Preeya Darrsini, while lawyer Muhammad Syazwan Mohd Salleh represented Lai.

Lai had initially pleaded not guilty on March 8, 2024, to eight charges involving diesel-related offences, but changed his plea yesterday.

The prosecution subsequently withdrew four of the original charges, proceeding with only four against the company. — Bernama

theborneopost#digipapers

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 30/4/2026
M/SURAT: 14

# Syarikat didenda RM130,000 kemuka invois palsu, enggan kemuka maklumat beli diesel

BUTTERWORTH: Sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan jualan runcit bahan api didenda RM130,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, selepas mengaku bersalah atas empat pertuduhan memberikan maklumat palsu berhubung invois dan enggan mengemukakan maklumat berkaitan pembelian diesel, pada 2023.

Hakim Nor Azah Kasran menjatuhkan hukuman denda RM85,000 bagi pertuduhan pertama manakala RM15,000 bagi setiap tiga pertuduhan lain selepas pengarah syarikat berkenaan Lai Yong Keong, 47, membuat pengakuan itu sejurus semua pertuduhan dibacakan secara berasingan.

Mengikut pertuduhan pertama, Syarikat Profusion Petroleum Sdn Bhd selaku pemegang lesen borong minyak diesel didapati dalam pengetahuan telah memberikan maklumat palsu semasa mengemukakan maklumat dalam borang Arahan Mengemukakan Maklumat di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 berhubung invois atau resit pembelian minyak diesel melalui sembilan invois.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Tingkat 2, Kompleks Sempilai Jaya, Seberang Jaya, di sini, pada 10.30 pagi, 18 Feb 2023.

Mengikut pertuduhan kedua hingga keempat, syarikat berkenaan didakwa enggan mengemukakan maklumat berkaitan dokumen Penyata Kewangan Bank di bawah Syarikat Profusion Petroleum Sdn Bhd (September 2022 sehingga Februari 2023) yang diminta oleh pegawai bekalan melalui borang Arahan Mengemukakan Maklumat Barang Kawalan Di Bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kesemua tiga kesalahan itu dilakukan antara 18 Feb hingga 10 Mac 2023 di lokasi sama.

Kesemua pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 8(4)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) Akta sama yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM2 juta dan kesalahan pada kali kedua dan seterusnya, didenda tidak melebihi RM5 juta, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) S. Preeya Darrsini memohon hukuman denda setimpal memandangkan kesalahan yang dilakukan merupakan isu nasional yang memberikan kesan kepada ekonomi negara dan rakyat.

Bagaimanapun, peguam Muhammad Syazwan Mohd Salleh yang mewakili Orang Kena Saman (OKS) memohon denda yang minimum kerana kesalahan tersebut berlaku tanpa pengetahuan anak guamnya sehingga saksi hadir memberi keterangan di mahkamah dan didapati invois tersebut palsu.

Pada 8 Mac 2024, Lai mengaku tidak bersalah atas lapan pertuduhan membabitkan kesalahan berkaitan pembelian diesel, namun beliau menukar pengakuan tersebut semalam.

Terdahulu, pihak pendakwaan juga bersetuju untuk menggugurkan empat pertuduhan terhadap OKS dan hanya mengekalkan empat pertuduhan terhadap syarikat berkenaan. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: KHAMIS
TARIKH: 30/4/2026
M/SURAT: 12

# Two arrested in Ops Tiris 4.0

**SIBU:** A routine enforcement sweep under 'Ops Tiris 4.0' led to the seizure of nearly 300 litres of diesel and the opening of four cases after authorities uncovered suspected misappropriation activities at a petrol station here.

The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sarawak director Matthew Dominic Barin said the KPDN Sibu enforcement teams detected two separate cases last Friday involving two men in their 30s using pick-up trucks.

"In the first case, a Ford Ranger was stopped during an inspection, where officers found about 200 litres of diesel believed to have been misappropriated, with an estimated value of RM430.

"Later that day, a Toyota Hilux was detained at the same station, with 93 litres of diesel worth RM199.95 suspected to have been misappropriated."

The seized diesel is estimated to be worth RM629.95, with the total value of confiscated items amounting to RM20,629.95.

Matthew stated that four cases have been recorded under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 for possession of controlled goods under suspicious circumstances.

'Ops Tiris 4.0' forms part of intensified efforts to clamp down on the misuse of controlled goods across the state.

Members of the public are urged to channel any information or complaints on unethical business practices by traders and distributors through the following platforms: WhatsApp at 019-848 8000, email at e-aduan@kpdn.gov.my, the Call Centre at 1-800-886-800, or via the Ez ADU KPDN app.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: KHAMIS
TARIKH: 30/4/2026
M/SURAT: 15

# Raid uncovers suspected diesel theft

**MIRI:** Enforcement officers have uncovered a suspected diesel diversion operation involving a modified private vehicle, in a case that highlights ongoing leakages in Malaysia's subsidised fuel system.

The raid, carried out on Apr 28 by the enforcement division of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) here, targeted a vehicle flagged during routine surveillance.

An initial inspection led officers to a concealed canvas tank believed to have been deliberately altered to store fuel outside regulated channels. A subsequent search uncovered around 300 litres of diesel inside the tank.

The vehicle has been impounded and its owner is under investigation.

The case is being investigated under the Control of Supplies Act 1961.

Authorities say such operations are part of a wider enforcement push to curb the illegal diversion of diesel.

KPDN officials said monitoring efforts have been intensified at petrol stations and along key distribution points.

Selling fuel into containers other than a vehicle's original tank, in quantities exceeding 20 litres without a valid permit, is an offence under the law.



AN enforcement officer inspects a private vehicle seized during a raid linked to the suspected diversion of subsidised diesel.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 30/4/2026
M/SURAT: 2

# 内貿部：不法集團配備柴油卡 利用“跑腿”添1500公升柴油

（吉隆坡29日讯）国内贸易及生活费部（KPDN）吉隆坡分局揭露，有不法集团利用个人充当“跑腿”，并配备柴油卡，在油站柜台添购柴油！

国内贸易及成活费部吉隆坡分局局长莫哈末沙布里在“补漏行动4.0”后召开新闻发布会时表示，一名35岁的本地男性罗里司机在行动中被捕。

“初步检查发现，该名男子未持有合法文件以拥有及运输受管制的柴油燃料；随后被扣留以协助调查。”

## 罗里改装配备3额外油槽

